

ANALISIS TEKSTUAL DALAM PENULISAN KARANGAN MURID BAHASA KEDUA

TEXTUAL ANALYSIS IN ESSAY WRITING FOR SECOND LANGUAGE STUDENTS

Norfaizah Abdul Jobar ¹
Normarini Norzan ²
Nur Farahkhanna Mohd. Rusli ³

^{1,2,3} Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak

¹ norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my, ² normarini@fbk.upsi.edu.my, ³ farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

Accepted date: 11-02-2019

Published date: 21-03-2019

To cite this document: Jobar, N. A., Norzan, N., & Rusli, N. F. M. (2019). Analisis Tekstual dalam Penulisan Karangan Murid Bahasa Kedua. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4(26), 93-103.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menganalisis komponen tekstual dalam penulisan karangan murid bahasa kedua. Analisis tertumpu pada jenis komponen tekstual (penanda wacana) yang terbentuk melalui pemilihan Tema (awal kata) dalam unit perenggan karangan. Pendekatan analisis dokumen digunakan dalam kajian ini melalui penganalisan 2013 ayat berdasarkan teori Sistemik Fungsional dan Tatabahasa Dewan. Semua ayat tersebut diekstrak daripada perenggan karangan yang terdiri daripada pendahuluan, isi dan kesimpulan. Hasil dapatan menunjukkan pemanfaatan komponen penanda wacana musabab diaplikasikan dalam unit perenggan pendahuluan, penanda wacana tambahan dalam unit isi dan penanda wacana tempoh dalam unit kesimpulan. Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada guru dan murid akan peranan yang dimainkan oleh setiap penanda wacana tersebut dalam membina penulisan yang berkoheren selain dapat memberi impak terhadap kaedah pengajaran yang boleh diaplikasikan oleh guru di dalam kelas.

Kata kunci: Karangan, Tema Rema, Perenggan, Tekstual, Penanda Wacana

Abstract: This research aims to analyze the textual components in student's composition in the second language. It focuses on the linkers which is formed by choosing the theme in a paragraph composition. The documents are analyzed through the use of 2013 sentence analysis which is based on Functional Systemic theory and 'Tatabahasa Dewan'. All the sentences are extracted from the paragraph which includes the introduction, content and conclusion. The findings show that cause linkers are used in the introduction paragraph, extra linkers in the content paragraph and time linkers in the conclusion. It is hoped that this research provides information to teachers and students on the role of linkers in constructing coherent writings and the teaching methodology practiced by the teachers in the classrooms.

Pendahuluan

Dalam proses penghasilan penulisan karangan yang berkualiti, murid seharusnya disedarkan dengan kaedah mengorganisasikan penulisan secara berkesan. Oleh itu, asas paling utama dan menampakkan kejituan yang tinggi dalam mengorganisasikan teks menjadi koherens adalah melalui konsep Tema dan Rema. Tema merupakan unsur yang bertugas sebagai titik tolak mesej manakala Rema merupakan bahagian ayat yang mengandungi ‘maklumat baharu’ yang sebenarnya mahu disampaikan oleh pewacana (Halliday, 1985). Dengan demikian, untuk mengorganisasikan teks, Tema yang dihasilkan hendaklah mampu menautkan ciri-ciri yang membinanya dengan pemilihan klausa yang sesuai setiap kali ayat hendak dimulakan. Hal ini demikian kerana Tema yang dihasilkan dalam klausa akan menjadi pembimbing kepada pembaca untuk memahami mesej dalam klausa seterusnya (Wang, 2007). Selain itu, kepentingan unsur ini turut diakui oleh Witte dan Faigley (1981) (dalam Mellos, 2011) membuktikan bahawa, murid mampu menulis secara berkesan jika mereka memahami konsep Tema secara efektif.

Dengan demikian, kajian ini memfokuskan pemilihan tema Tekstual yang menjadi pilihan murid semasa menulis karangan. Pencirian tema Tekstual dapat dijadikan unsur yang mampu mengukuhkan idea (Norfaizah, 2017). Jenis tema tekstual yang dianalisis melibatkan penggunaan penanda wacana untuk menautkan ayat yang ditulis oleh murid melibatkan unit perenggan pendahuluan, isi dan kesimpulan. Bagi meningkatkan koheren murid secara tepat dan ciri yang membangunkan ayat tersebut maka perhatian harus diberikan kepada pemilihan tema yang berlaku dalam penulisan (Halliday 1976; Wang, 2007; Alireza, 2010; Arunsirot, 2013). Sesuai dengan pandangan Mohammad Fadzeli Jaafar (2013), bahawa tema tekstual (penanda wacana) merupakan unsur bahasa yang digunakan dalam penulisan atau perbualan untuk menghasilkan teks yang berkesatuan dan fungsinya menghubungkan antara ayat dan juga perenggan.

Penulisan karangan bukanlah hasil kepandaian atau kemahiran menggubah atau menyusun kata-kata dan ayat sahaja tetapi merupakan kemahiran menyampaikan idea, fakta yang terdapat dalam pemikiran pengarang melalui alat komunikasi yang dinamakan bahasa (Lado, 1964). Pandangan ini sesuai dengan Chomsky (1965), yang telah memberikan penekanan perlunya pemikiran dalam kemahiran menggubah atau menyusun kata-kata dan ayat dalam sesebuah wacana lengkap atau karangan. Karangan juga diertikan sebagai kebolehan mendaya cipta idea, cara berfikir dan menyusun perkataan serta mengorganisasikannya dalam bentuk perenggan untuk kefahaman penerima teks (Nunan, 2003). Oleh yang demikian, berdasarkan definisi yang telah dinyatakan dapatlah dijelaskan bahawa karangan ialah satu gubahan jalinan perasaan, fikiran, idea dan maklumat yang dilahirkan melalui penulisan dan juga lisan berdasarkan topik-topik tertentu yang boleh distrukturkan kefahamannya secara berpusat. Penstrukturan ini mampu diterjemahkan melalui pendekatan yang berkesan dan sistematik dengan pemahaman berkaitan sistem pilihan tema oleh murid. Hal ini demikian kerana penulisan karangan juga dirujuk sebagai gagasan atau pemikiran yang merangkumi proses mekanis justeru memerlukan kefahaman dalam penguasaan alat dan teknik untuk mengungkapkan gagasan atau pemikiran tersebut (Awang Sariyan, 1992).

Proses menulis karangan merupakan aspek terpenting dalam PdP Bahasa Melayu di sekolah. Tujuan penulisan karangan di sekolah menengah haruslah memenuhi kriteria yang termaktub

dalam skema pemarkahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Antara kriteria yang menjadi rujukan utama pemeriksaan penulisan karangan murid ialah penggunaan pelbagai jenis kata/laras yang sesuai, olahan menarik, wacana lengkap dan berkesinambungan dan penggunaan gaya bahasa yang pelbagai (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013). Sebuah perenggan karangan yang berkesan juga harus merangkumi aspek bahasa yang bersatuan, tidak meleret dan memiliki keupayaan untuk merumuskan idea secara jelas (Butt, 2000). Ciri ini mustahak untuk menjelaskan keseluruhan idea yang digarapkan dalam penulisan agar sampai sepatutnya (Stimson, 1991). Oleh yang demikian, hal ini mampu digembleng melalui penelitian dalam tingkat ayat lebih besar melibatkan analisis struktur pewacanaan yang dihasilkan oleh murid.

Kini, telah terdapat beberapa huraian atau literatur tentang penulisan karangan yang memfokuskan aplikasi tema tekstual, misalnya oleh North (2005), Jalilifar (2010), Ebrahimi dan Ebrahimi (2012), Arunsirot (2013), Mohammad Fadzeli Jaafar (2013). North (2005) menerangkan bahawa murid Sastera lebih memanfaatkan penggunaan tema tekstual berbanding murid Sains. Jalilifar (2010) pula menjelaskan, penutur natif menggunakan penanda wacana lebih tinggi berbanding pelajar bahasa kedua. Hal ini demikian kerana, menurut beliau penutur natif memahami kepentingan elemen penanda wacana yang menunjukkan ciri kegramatisan dalam ayat yang dihasilkan. Manakala Ebrahimi dan Ebrahimi (2012) menerangkan hubungan antara penggunaan tema tekstual dengan kebolehan berbahasa yang dimiliki oleh murid. Hasil kajian tersebut menunjukkan penggunaan penanda wacana kurang berbanding kata hubung (*conj-adjunct*). Arunsirot (2013), menyatakan penggunaan tema tekstual lebih tinggi berbanding tema ideasional selain beliau juga menganalisis kelemahan pemilihan tema oleh murid. Walau bagaimanapun, huraian Jalilifar (2010) dan Ebrahimi dan Ebrahimi (2012) lebih kepada perbandingan kemampuan murid penutur natif dan bukan natif (bahasa Inggeris) dalam mengaplikasikan penggunaan tema tekstual. Dengan demikian, huraianya lebih menjurus kepada huraian yang bersifat perbandingan, iaitu bersifat eksploratori selain dapataannya boleh dijangka. Selain itu, kajian oleh Mohammad Fadzeli Jaafar (2013), tertumpu kepada penelitian fungsi penanda wacana dalam Teks Melayu Lama berunsur Sejarah. Analisis beliau tertumpu kepada perungkaiian penggunaan kata penghubung dalam teks tersebut. Menurut beliau lagi, aplikasi penanda wacana memiliki keunikan tersendiri dan sering mengalami perubahan mengikut peredaran masa. Dari sudut telahan pengkaji, kajian ini membolehkan usaha penerokaan sistem penanda wacana yang digembleng dalam penulisan karangan murid diteliti seadanya bagi mengemukakan fungsi yang dimainkan oleh penanda wacana tersebut.

Dengan demikian, kajian ini menghuraikan pemilihan Tema Tekstual (penanda wacana) dalam unit pendahuluan, isi dan kesimpulan karangan murid bahasa kedua. Oleh itu, penstrukturan dalam kajian ini mampu diterjemahkan melalui pendekatan yang berkesan dan sistematik dengan pemahaman berkaitan sistem pilihan tema yang dilakukan oleh murid bahasa kedua. Setiap pilihan tema tekstual ini mampu mencirikan sifatnya pada setiap unit perenggan.

Kaedah Kajian

Sampel dan Alat Kajian

Sebanyak 2013 ayat yang diteliti melibatkan tiga unit perenggan (pendahuluan, isi, kesimpulan) yang diambil daripada tiga buah sekolah negeri di Perak. Bagi menganalisis data ini pengkaji mengaplikasikan teori SFL (1994) oleh Halliday dan disuaikan dengan Tatabahasa Dewan (2008). Dalam teori ini Halliday (1994), membahagikan Tema Tekstual terbahagi

kepada tiga subkategori, iaitu Penanda Wacana (*Structural*) seperti Seterusnya, Selain itu, dan Oleh itu. Kedua, Penambah (*Continuative*) seperti Oh..., Tidak..., Ya...dan ketiga Kata Hubung (*conjunctive-adjunct*) seperti malahan..., bukan itu sahaja..., yang....

Pengkaji merujuk pencirian penanda wacana yang menjadi fokus kajian ini berdasarkan buku Tatabahasa Dewan (2008) dengan mengambil pendekatan bahawa semua penanda wacana ini diteliti sebagai awal kata dalam teks. Oleh itu, penanda wacana yang diteliti dikategorikan dalam sistem penanda penghubung. Walaupun terdapat tiga tahap menjelaskan penanda penghubung, iaitu awal klausa, dalam klausa dan antara klausa atau ayat kompleks (Thompson, 1996) namun fokus kajian ini berdasarkan penggunaan penanda wacana (penghubung) sebagai ayat mula atau Tema seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1: Subsistem Penanda Wacana

Bil	Jenis Penanda Wacana	Ciri Umum	Contoh Perkataan
1	Penghubung Tambahan	memberi maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang diperkatakan sebelumnya	Tambahan pula,... Di samping itu,... Selanjutnya,...
2	Penghubung Tentangan	menunjukkan pertentangan maklumat antara suatu yang baharu diperkatakan dengan sebelumnya	Namun,... Walau bagaimanapun,... Sebaliknya,...
3	Penghubung Musabab	memberikan maklumat sebab berlakunya sesuatu	Oleh hal demikian,... Dengan itu,... Oleh itu,... Hal ini disebabkan oleh,...
4	Penghubung Tempoh	menunjukkan urutan masa atau siri berlakunya sesuatu	Akhirnya,... Selepas itu,... Kesimpulannya,...

Analisis dokumen teks karangan ini dilakukan ayat demi ayat bermula dengan menentukan unit teks kemudian dikategorikan jenis tema dan dianalisis sebab musabab awal kata tersebut dipilih oleh murid. Tahap pertama ini dimulakan dengan mengekodkan data karangan yang dipilih dari ketiga-tiga buah sekolah berkenaan. Bagi memudahkan rujukan dan analisis dilakukan, ketiga-tiga data karangan itu dinomborkan setiap sekolah, ayat dan perenggan. Sebagai contoh, kod KAT1 bermakna karangan pertama bagi sekolah pertama, P1 bermakna perenggan pertama, Unit Teks 1 (UT1) bermakna ayat pertama, simbol (T) untuk Tema dan (R) untuk Rema, setiap perenggan dan ayat akan ditandakan dengan kod seperti KAT1P1(UT1). Cara ini mampu mengenal pasti jenis sifat tekstual yang sesuai digunakan dalam melahirkan dan menstruktur idea dalam unit perenggan tersebut. Jadual 2 merupakan pecahan ayat yang dianalisis berdasarkan tiga unit perenggan;

Jadual 2: Jumlah Binaan Ayat dan Perenggan

Binaan Karangan	KAT (Ayat)	KAM (Ayat)	KAN (Ayat)	JUMLAH
Pendahuluan	83	115	142	340
Isi	322	432	677	1431
Kesimpulan	47	74	121	242
Jumlah	452	621	940	2013

Perbincangan dan Dapatan Kajian

Unit Pendahuluan

Penanda Wacana

Daripada keseluruhan 340 ayat yang dianalisis dalam bahagian pendahuluan sebanyak 51 awal kata yang memanfaatkan teksual penanda wacana. Pemanfaatan ini dilihat bukan sekadar dapat menghubungkan ayat semata-mata, tetapi mempunyai signifikan tertentu dalam membina teks yang lebih koheren dan memiliki nilai kesinambungan yang tinggi. Antara penanda wacana yang kerap ditemukan ialah jenis musabab seperti *oleh itu, hal ini demikian kerana, dengan ini*.

Selain itu, kebanyakan penanda wacana musabab ini sering dimulakan dalam unit teks kedua (UT2) kerana didapati dalam unit teks pertama strategi karangan murid mempersembahkan unsur lokasi (*Ideasional*) yang melibatkan masa atau tempat. Sebagai contoh data (bergaris) berikut merupakan penggunaan penanda wacana:

Penanda Wacana
(musabab)

KAN12P1(UT1) Pada era globalisasi ini, isu faktor-faktor murid ponteng sekolah sering diperkatakan oleh semua golongan.

(UT2) Hal ini demikian kerana, isu faktor-faktor murid ponteng sekolah memberi pelbagai kesan kepada kita.

(UT3) Oleh itu, marilah kita bincangkan faktor-faktor murid ponteng sekolah secara rasional.

Data KAN12P1, penggunaan penanda wacana musabab, (UT2) *hal ini demikian kerana*, dapat mengaitkan isu yang dibincangkan sebelumnya secara relevan selain berperanan sebagai pengukuh idea. Selain itu, penggunaan penanda wacana musabab (UT3) *oleh itu* juga kerap ditemui dalam bahagian pendahuluan yang dimanfaatkan sebagai pengakhiran bahagian pendahuluan. Hal ini membuktikan bahawa, murid menyudahkan idea dengan berkesan melalui cara mempertalikan idea yang disusun.

Penanda Wacana
(tentangan)

KAM8P1 (UT1) Di Malaysia, semua rakyat berhak untuk menjadi seorang pengguna.

(UT2) Walau bagaimanapun bukan semua orang dapat menjadi seorang pengguna yang bijak.

(UT3) Kebanyakan pengguna telah ditipu oleh peniaga kerana tidak ada ilmu pengetahuan untuk menjadi pengguna yang bijak.

Data KAM8P1 merupakan contoh penggunaan penanda wacana jenis tentangan, awal kata (UT2) *walau bagaimanapun* digembleng oleh murid bagi memberi maklum balas ‘negatif’ kepada klausa awal dalam (UT1). Hasil daripada penelitian mendapati, pemilihan ini dilakukan bagi membangkitkan rasa sedar pembaca akan isu yang cuba disampaikan, iaitu kepentingan / ciri pengguna yang bijak. Sesuai dengan pandangan (Nik Safiah Karim, et al. 2008) bahawa penghubung tentangan merupakan penghubung yang menunjukkan pertentangan maklumat antara suatu yang baharu diperkatakan dengan suatu yang sebelumnya.

Dalam Jadual 3, kategori penanda wacana yang mendominasi bahagian pendahuluan ialah musabab (34 awal kata) yang dipilih oleh murid diikuti penghubung tambahan dan penghubung tentangan. Situasi ini membuktikan bahawa, murid gemar memanfaatkan penghubung musabab bagi menautkan idea-idea yang terbina agar dapat memperlihatkan kejelasan buah fikiran yang dihasilkan oleh mereka. Selain itu, penggunaan penghubung musabab ini dapat mempersembahkan kewajaran isu yang dikemukakan untuk pembaca melalui unsur kata seperti *dengan demikian, oleh sebab dan maka*.

Jadual 3: Kategori Penanda Penghubung dalam Unit Pendahuluan

Bil	Kategori Penanda Wacana	Jumlah Perkataan
1	Penghubung Tambahan	10
2	Penghubung Tentangan	7
3	Penghubung Musabab	34
4	Penghubung Tempoh	-
Jumlah		51

Unit Isi

Penanda Wacana

Pemanfaatan Tema Tekstual (penanda wacana) sebagai pemula ayat dalam bahagian isi amat tinggi, iaitu melibatkan sejumlah 594 ayat daripada sejumlah 1431 ayat keseluruhan. Kekerapan ini menggambarkan murid memperlihatkan usaha dan keupayaan yang tinggi untuk meneruskan kelangsungan idea selain penanda wacana berfungsi sebagai penghubung ayat paling sesuai bagi mewujudkan nilai kebolehbacaan yang berkesan.

Analisis kewujudan penanda wacana dalam data, kebanyakan berlegar kategori penanda wacana jenis penghubung tambahan dan penghubung musabab. Sebagai contoh penanda wacana (tambahan) yang kerap ditemui ialah *selain itu, sebagai contoh, di samping itu, tamsilannya, sehubungan dengan itu, antara lain, tambahan pula*. Penggunaan penanda wacana sebegini memperlihatkan peranannya untuk meneruskan capaian idea dalam teks. Data yang bergaris merupakan salah satu contoh penggunaannya:

Penanda Wacana	KAT16P4(UT1) <u>Di samping itu</u>, amalan menabung juga mendidik kita bersikap berjimat-cermat. (UT2) <u>Hal ini kerana</u>, semasa kita menabung wang tidak akan menggunakan untuk perbelanjaan. (UT3) <u>Oleh itu</u>, kita tidak akan menjadi seorang yang membazir. (UT4) <u>Sebagai contohnya</u>, apabila mempunyai wang yang lebih orang yang tidak menabung akan menggunakan wang itu dalam pembelajaran dikehendaki manakala orang yang menabung akan menyimpankan wang itu untuk masa depan.
----------------	---

Perincian analisis jelas membuktikan bahawa, penggunaan Tema Tekstual-Penanda Wacana ini memainkan peranan utama dalam mengaitkan idea dan mempersembahkan idea yang berkualiti. Oleh sebab itu, kekerapannya paling tinggi ditemui dalam bahagian Isi kerana murid perlu menyampaikan idea yang berpautan bagi setiap ayat yang dibina. Sebagai contoh, dalam data KAT16P4 terdapat dua penanda wacana yang digunakan murid bagi mengaitkan ayat. Dalam UT1 penggunaan penanda wacana (tambahan) *di samping itu*, dimanfaatkan sebagai pemula ayat yang mempamerkan kesinambungan isi atau idea daripada sebelumnya dan sebagai memulakan penerangan idea baharu yang hendak disampaikan. Seterusnya, dalam UT2 penggunaan penanda wacana (musabab) *hal ini kerana* dimanfaatkan sebagai cara untuk menjelaskan idea yang dibincangkan manakala dalam UT3 penggunaan penghubung musabab *oleh itu* sebagai pengukuh huraian atau hujah yang dikaitkan dengan kesan sesuatu tindakan. Penanda wacana (tambahan) dalam UT4 *sebagai contoh* digembleng sebagai usaha membuktikan huraian yang disampaikan dalam UT3. Tujuannya bagi memahamkan pembaca teks selain berperanan untuk memerikan hujah.

Jadual 4 berikut mempersembahkan jenis penanda wacana yang mendominasi binaan mula isi. Berdasarkan analisis didapati bahawa, penanda wacana jenis tambahan merupakan pilihan tertinggi yang dimanfaatkan oleh murid dalam penulisan, iaitu sejumlah 247 perkataan diikuti penghubung musabab sejumlah 241 perkataan. Dapat diperhatikan juga penggunaan penghubung tambahan seiring diikuti oleh penghubung musabab dalam unit isi.

Jadual 4: Kategori Penanda Penghubung dalam Unit Isi

Bil	Kategori Penanda Wacana	Jumlah
1	Penghubung Tambahan	247
2	Penghubung Tentangan	31

3	Penghubung Musabab	241
4	Penghubung Tempoh	75
Jumlah		594

Unit Kesimpulan

Penanda Wacana

Daripada keseluruhan 242 ayat yang dianalisis, sebanyak 137 ayat yang dimulakan dengan penggunaan penanda wacana. Hasil daripada analisis penanda wacana yang mendominasi bahagian ini ialah jenis penghubung tempoh, sebanyak 83 awal kata dengan gabungan penghubung musabab. Antara perkataannya; *kesimpulannya, akhirnya, dengan ini, kemudian, maka, sebagai intihanya, oleh itu, hal ini demikian kerana*. Sebagai contoh data bergaris berikut:

Penanda Wacana	KAM23P5(UT1) <u>Kesimpulannya</u>, terdapat banyak cara untuk menjadi pengguna yang bijak selain daripada sebut di atas. (UT2) <u>Oleh itu</u>, kita mesti menjadi pengguna yang bijak dan tidak menjadi pengguna yang bodoh dengan pelbagai cara. KAN8P6 (UT1) <u>Secara kesimpulannya</u>, faktor-faktor tersebut harus ditangani oleh pihak berkuasa secepat mungkin. (UT2) <u>Hal ini demikian kerana</u>, sebuah negara maju memerlukan remaja yang cemerlang. (UT3) <u>Oleh itu</u>, semua pihak termasuk pihak sekolah, kerajaan dan ibu bapa harus bekerjasama untuk menangani masalah ini bak kata pepatah, bagai aur dengan tebing.
----------------	---

Berdasarkan contoh daripada data KAM23P5(UT1) dan KAN8P6(UT1) dengan menggunakan penanda wacana (penghubung tempoh) *kesimpulannya* membuktikan bahawa murid mahu merumuskan semua idea yang ditulis dalam perenggan akhir. Hal ini demikian kerana, maksud *kesimpulannya*, ialah ringkasan akhir daripada perkara yang telah dibicarakan, inti atau isi dari keseluruhannya (karangan, syarahan), kesudahan pendapat, ikhtisar (Kamus Dewan, 2005). Penggunaan penanda wacana (penghubung tempoh) ini pula digabungkan dengan kategori penghubung musabab *oleh itu* dalam KAM23P5(UT2) dan KAN8P6(UT3). Maksud *oleh itu* menurut Kamus Dewan (2005) ialah lantaran itu, disebabkan hal itu amat sesuai digunakan sebagai penaut idea sebelumnya yang berfungsi sebagai unsur yang mempersembahkan ciri nasihat atau pujukan kepada penerima teks atau pembaca agar melakukan sesuatu terhadap isu yang diutarakan. Selain itu, penghubung musabab, *hal ini demikian kerana* dalam KAN8P6(UT2) berfungsi sebagai penyimpul idea sebelumnya. Oleh itu, dalam Jadual 5 berikut, memaparkan jenis penanda wacana yang mendominasi pemula ayat unit kesimpulan.

Jadual 5: Kategori Penanda Penghubung dalam Unit Kesimpulan

Bil	Kategori Penanda Wacana	Jumlah Perkataan
1	Penghubung Tambahan	3

2	Penghubung Tentangan	4
3	Penghubung Musabab	47
4	Penghubung Tempoh	83
Jumlah		137

Rumusan

Penulisan karangan yang berkesan haruslah dijana dengan memaparkan kesatuan idea yang kukuh. Penulisan karangan yang baik juga mampu menarik minat pembaca untuk meneruskan bacaan selain memberi markah yang tinggi kepada murid. Dalam penulisan karangan, pemilihan tema tekstual bagi menautkan kesatuan idea secara sistematik amat penting supaya isu pokok yang hendak disampaikan jelas kepada pembaca. Kajian awal ini telah berjaya mengenal pasti dan menghuraikan pilihan tema tekstual murid bahasa kedua semasa membina unit perenggan.

Pilihan tema yang mendominasi unit pendahuluan ialah tema tekstual jenis munsabab, diikuti oleh tambahan dan tentangan. Dalam penulisan karangan (pendahuluan) murid tidak mengaplikasikan penanda wacana (tempoh) kerana diyakini ciri ini kurang pratikal untuk memaparkan isu utama dalam pendahuluan. Hal ini demikian kerana, dalam bahagian ini kebiasaannya penulis akan membuka topik sebagai tanda pengenalan perkara yang hendak disampaikan. Selain itu, unsur penghubung tempoh kebanyakannya diperlukan dalam bahagian yang merumuskan idea (isi) (Norfaizah, 2017). Didapati bahawa, dalam unit pendahuluan situasi penghuraian idea atau isi utama belum lagi jelas.

Hasil analisis juga mendapati bahawa, dalam binaan perenggan isi murid gemar menautkan idea dengan mengutamakan penggunaan Tema Tekstual (penanda wacana) jenis penghubung tambahan digabungkan dengan penghubung musabab. Teknik ini merupakan satu cara penyampaian idea yang menjadi strategi dan amalan murid dalam mempersembahkan isi. Sehubungan dengan itu, penggunaan penghubung tambahan dalam unit isi berperanan sebagai cara menautkan idea daripada perenggan sebelumnya, cara untuk memulakan idea baharu berfungsi sebagai memerikan hujah dan membuktikan huraian, manakala penghubung musabab dalam unit isi berfungsi untuk menambahkan kekuatan hujah yang dikaitkan dengan kesan terhadap proses.

Pengkaji mendeskripsikan bahawa penggunaan Tema Tekstual (penanda wacana) dalam bahagian kesimpulan terbina atas rumus bahawa bahagian ini merupakan gambaran keseluruhan idea yang dihasilkan oleh murid. Sebagai rumusnya, bahagian kesimpulan merupakan bahagian penting dalam merumuskan, menyimpul dan menegaskan pandangan penulis. Hasil analisis unit kesimpulan menunjukkan bahawa, pemanfaatan penghubung tempoh dimanfaatkan sebagai cara melaporkan 'proses akhir'(tindakan) dalam penulisan yang dilihat untuk mempersembahkan strategi perumus idea penutupan penulisan karangan secara sistematik agar dapat digabungkan dengan penghubung musabab yang membantu sebagai unsur untuk memujuk dan menasihati penerima teks berkaitan isu yang dikemukakan. Bersesuaian dengan pandangan Martinez (2003) bahawa, penggunaan penanda wacana yang betul dapat menggambarkan unsur penegasan dalam bahagian tertentu terutama bahagian penutup.

Berdasarkan data yang ditunjukkan ini jelas didapati penggunaan penanda wacana yang sesuai dan tepat dalam pembinaan perenggan memudahkan idea dijana dan disudahi dengan lebih berkesan. Majoriti penggunaan Tema Tekstual (penanda wacana) digerakkan oleh murid secara berpada bagi menyampaikan kesinambungan ayat yang maksimum kepada pembaca. Rajah 1 merupakan rumus akhir aplikasi tema tekstual (penanda wacana) yang menjadi pilihan murid bahasa kedua untuk membina karangan.

PERENGGAN		
PENDAHULUAN (MUSABAB)	ISI (TAMBAHAN)	KESIMPULAN (TEMPOH)

Rajah 1: Rumus Kepelbagaian Tema Tekstual

Hasil kajian ini telah memperlihatkan, kombinasi pilihan tekstual yang berkesan dalam unit karangan mampu memberikan impak dalam usaha menggabungkan idea-idea. Penghuraian analisis ini mampu memberi panduan kepada guru dan murid serta pengkaji wacana dalam usaha memahami struktur pewacanaan karangan murid. Dalam masa yang sama, analisis ini juga dapat memperkaya kaedah pengajaran dan pembelajaran guru mahupun murid bagi menghasilkan penulisan yang bermutu.

Rujukan

- Arunsirot, S. (2013). An analisis metafunction in Thai EFL student's writing *Novitas- ROYAL*, 7(2), 160-174.
- Alireza, J. (2010). Themantization in EFL students' composition writing and relation to academic experience. *RELC Journal*, 41(31), 31-45. doi: 10.1177/0033688210362621.
- Awang Sariyan. (1992). *Asas penulisan deskriptif* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Butt, D. et al. (2000). *Using functional grammar; an explorer's guide second edition*. Sydney: National Center for English Language Teaching and Research.
- Chomsky, N. (1965). *Aspect of the theory of syntax*. Cambridge MIT Press.
- Ebrahimi, Syed Foad Ebrahimi, Syed Jamal. (2012). Factuality in undergraduate students writing *International Journal of English and Education*, 1(1), 137-144.
- Halliday, M. A. K. (1978). *Language as social semiotic: the social interpretation of language and meaning*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M. A. K. (1985). *An introduction to functional grammar* London: Edward Arnold
- Halliday, M. A. K. & Hassan, R. (1976). *Cohesion in English*. New York Logman.
- Jalilifar, A. (2010). Themantization in EFL student's composition writing and relation to academic experience. *RECL Journal*, 41(31), 31-45.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013). *Skema pemarkahan bahasa Melayu (1103/1)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lado, R. (1964). *Writing measurement*. New York: Houghton Mifflin.
- Martinez, I. (2003). Aspects of theme in method and discussion sections of biology journals articles in English. *Journal of English for Academic*, 2, 103-123.
- Mellos, V. D. (2011). Coherence in English as second language undergraduate writing: a theme rheme analysis. (Tesis Sarjana), San Diego State University, San Diego.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2013). Penanda wacana dalam teks Melayu berunsur sejarah. *Dewan Bahasa dan Pustaka*, 13(2), 243-258.
- Nik Safiah Karim, Farid. M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norfaizah. (2017). *Analisis wacana dalam penulisan karangan dalam kalangan murid bahasa kedua*. (Doktor Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malin.
- North, S. (2005). Disciplinary variation in the use of theme in undergraduate essays. *Journal of Applied Linguistics*, 26(3), 1-18.
- Nunan, D. (2003). *Practical English language teaching*. New York Mc Grow Hill.
- Stimson, N. (1991). *How to write and prepare writings materials*. London: Kogan Page.
- Thompson, G. (1996). *Introducing functional grammar*. London: Arnold.
- Wang, L. (2007). Theme and rheme in the thematic organization of text: implication for teaching academic writing. *Asian EFL*, 9(1), 164-176.
- Witte, S.P., & Faigley, L. (1981). Coherence, cohesion and writing quality. *College Composition and Communication*, 32(2), 189-204.
- Witte, & Gerot, S.P. (1994). *Making sense of functional discourse*. Cmmeray: Antipadaen Educational.